

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/06/03 - 48

TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) BAGI INDIVIDU YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2019 ADALAH PADA 30 JUN 2020

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah memberikan pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh pembayar cukai dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi Tahun Taksiran 2019 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat penularan wabak COVID-19.

Sehubungan itu, tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi individu yang tidak menjalankan perniagaan (Borang BE/e-BE/m-BE/Borang M/e-M) telah dilanjutkan ke 30 Jun 2020. Pengemukaan BNCP boleh dibuat menerusi aplikasi ezHASiL melalui pautan pantas <https://ez.hasil.gov.my/CI/> atau secara manual dengan memuat turun borang di portal rasmi LHDNM.

Bagi terus menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19, pembayar cukai digalakkan untuk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan dalam talian melalui platform ezHASiL bagi tujuan menghantar BNCP.

Pembayar cukai disaran menggunakan kesempatan ini untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan tidak menunggu hingga ke saat akhir untuk memfailkan BNCP mereka. Sebagai rujukan, program pemfailan BNCP bagi tahun 2020 boleh dicapai menerusi pautan berikut:

i. Bahasa Melayu:

http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.3_1.pdf

ii. Bahasa Inggeris:

http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.3_2.pdf

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini juga boleh diajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-89111100 (Luar Negara),
- b) HASiL Live Chat;
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan



d) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:

- Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
- Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 03 Jun 2020

A large, light-colored watermark logo for LHDN MALAYSIA is centered on the page. It features a stylized 'LHDN' in a large, bold, sans-serif font, with 'MALAYSIA' written below it in a smaller, spaced-out, sans-serif font. The logo is set against a faint background of a triangle.



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube